

LAMPIRAN 15C(samb.)

7. Jika sekiranya jumlah wang yang genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak didalam Penyerahak didalam bayaran interim tidak mencukupi untuk membayar Pemegang Serahak atas bahan-bahan yang dibekalkan, maka bakinya hendaklah dibayar kepada Pemegang Serahak dalam bayaran interim yang berikutnya.
8. Sekiranya semasa bayaran terakhir jumlah wang yang diterima oleh Pemegang Serahak adalah kurang atau tidak mencukupi berbanding dengan bahan-bahan yang dibekalkan, nilai bahan-bahan yang belum dibayar adalah merupakan hutang yang tertanggung ke atas Penyerahak atas bahan-bahan yang dibekalkan oleh Pemegang Serahak.
9. Penyerahak hendaklah memastikan pihak Kerajaan membuat bayaran kepada Pemegang Serahak wang yang sepatutnya genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak atas bahan-bahan yang dibekalkan oleh Pemegang Serahak.
10. Penyerahak dan Pemegang Serahak hendaklah terlebih dahulu memberitahu dan mendapatkan persetujuan Kerajaan sebelum melaksanakan Ikatan Serahakan ini dengan mengemukakan kepada Kerajaan atau wakil yang diberikuasa sesalinan Surat Ikatan Penyerahakan ini yang bermetri.
11. Segala kos dan bayaran sampingan yang timbul dalam urusan penyerahakan ini dan Duti Setem hendaklah ditanggung oleh Penyerahak.
12. Suratikatan Penyerahak ini adalah mengikat wasi-wasi, pentadbir, waris-waris, Penerima Serahak dan penganti-pengganti pihak kepada Surat Ikatan Penyerahakan ini.